

Khalid Mohd, Rosli Ismail, Kamal Zailani,
Mohd. Nor Che Mat, Rozaid Abdul Rahm-
an, Aziz Ishak, Razak Ali, Gamal Nasir
Mohd. Ali dan Zaini Hassan

GAMBAR-GAMBAR OLEH

SYED AGIL SYED JAAFAR, MUSTAFFA KAMAL, ZAKARIA NOOR, AZL-
AN NAIM, HUSAIN IBRAHIM, KADIR BACHOK, ROSLI RAHMAT

PM kesal akhbar Cina masih tidak yakin sistem berbagai parti

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas akhbar-akhbar berbahasa Cina kerana masih tidak menaruh keyakinan terhadap sistem berbagai parti yang diamalkan di Malaysia.

Akhbar-akhbar tersebut mendokong konsep sistem dua parti yang diperjuangkan oleh parti pembangkang.

Perdana Menteri berkata, akhbar-akhbar itu bermain dengan api apabila berkempen mendokong konsep itu untuk parti lawan.

Menurutnya, semua negara Barat yang mengamalkan sistem dua parti menghadapi bermacam masalah di mana bukan sahaja politik mereka tidak stabil tetapi ekonomi mereka merosot.

"Kerajaan sistem dua parti di sebuah negara Barat yang terke-

muka terpaksa ditutup beberapa hari kerana presidennya tidak menandatangani peruntukan untuk membayar gaji," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir membangkitkan hal ini dalam ucapan dasarnya merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, PWTC di sini.

Di satu peringkat dalam ucapan itu beliau memohon izin telah menggunakan bahasa Inggeris untuk menegur sikap akhbar-akhbar Cina itu.

"Tidakkah anda nampak ia (sistem berbagai parti) telah memberi khidmat kepada anda dengan baik sejak negara mencapai kemerdekaan?"

"Anda dapat bertahan kerana sistem berbagai parti di Malaysia. Di bawah Pas anda tidak akan dapat bertahan dua hari," tegasnya disambut tepukan gemuruh.

Perdana Menteri berkata, memandang hakikat ini akhbar-akhbar Cina tidak harus menyalahgunakan hak mereka khususnya mengenai hal-hal perkauman.

Sambil menyuarakan harapan mereka menaruh keyakinan terhadap sistem berbagai parti di negara ini, beliau berkata: "Saya ingin bertanya kepada akhbar-akhbar Cina, bilakah anda akan mengeneipkan rasa rendah diri (*inferiority complex*) anda."

Beliau berkata, Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum jauh lebih berjaya daripada negara-negara Barat dalam membendung gejala perkauman di samping membangunkan ekonomi negara.